

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Soepadmo saintis pertama Asia Tenggara terima Pingat Linnean | | |
| MediaTitle | Berita Harian | Color | Full Color |
| Date | 25 Apr 2015 | Circulation | 314,000 |
| Section | Nasional | Readership | 942,000 |
| Page No | 20 | ArticleSize | 237 cm ² |
| Language | Malay | AdValue | RM 8,138 |
| Journalist | N/A | PR Value | RM 24,414 |
| Frequency | Daily | | |



Soepadmo saintis pertama Asia Tenggara terima Pingat Linnean

Kuala Lumpur: Felo Penyelidikan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Prof Dr Engkik Soepadmo, menjadi saintis pertama Asia Tenggara menerima anugerah berprestij, Pingat Linnean, atas sumbangan cemerlang sepanjang hayat dalam bidang botani, terutama biologi dan sistematis.

Penganugerahan oleh Persatuan Linnean yang berpangkalan di London, juga mengiktiraf Soepadmo, 78, yang dikenali sebagai Bapak, sebagai penerima tunggal Malaysia sekaligus menjadikan beliau penyelidik pertama FRIM mendapat penghormatan itu.

Anugerah terbabit disampaikan oleh Pesuruhjaya Tinggi British Ke Malaysia, Vicki Treadell dengan disaksikan Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr

Abd Latif Mohmod dan keluaraga Soepadmo.

Soepadmo berkata, beliau berterima kasih kepada Prof Diraja Ungku Aziz yang memberinya peluang berkecimpung dalam bidang penyelidikan botani tropika, ketika menjadi pensyarah di Universiti Malaya pada tahun 1968.

"Peluang diberikan FRIM memberi kelebihan untuk menjadikan minat saya kepada botani sebagai satu penyelidikan, sekali gus memberi manfaat kepada semua pihak berkaitan sehingga menerima pengiktirafan Pingat Linnean ini," katanya ketika majlis ringkas di kediaman rasmi Pesuruhjaya Tinggi British Ke Malaysia di sini, semalam.

Persatuan aktif tertua

Persatuan Linnean adalah persatuan biologikal aktif tertua di dunia yang ditubuhkan sejak tahun 1788, memainkan peranan utama dalam mendokumentasikan flora dan fauna dunia untuk pemuliharaan kepelbagaiannya biologi.

Abd Latif berkata, Soepadmo juga adalah penerima Anugerah Merdeka 2012 dan Anugerah Saintis Terbaik FRIM 2015, membuatkan beliau sememangnya wajar dihargai kerana menemui 56 spesis tumbuhan dan pokok hutan tropika.

Treadell berkata, pihaknya mewakili Ratu Elizabeth II dan Kerajaan Britain berbangga dengan penganugerahan yang mengiktiraf saintis Malaysia hingga mengukuhkan kerjasama antara United Kingdom dan Malaysia sejak sekian lama.



Treadell menganugerahkan **Pingat Linnean** kepada Soepadmo di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO MIOR AZFAR MIOR KAMARULBAID/BH]